

USUL MBJ

BIL	USUL	JUSTIFIKASI
1.	Kekosongan Wakil Pekerja MBJ	<p>Baru-baru ini telah berlaku pertukaran pegawai dan kakitangan Pejabat SUK Pahang yang melibatkan beberapa orang wakil pekerja MBJ seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Encik Khairul Azlan bin Mohd Yusof - Wakil Skim PTD M41-M48ii) Puan Lailatul Nadwa binti Ahmad - Wakil Skim PTD M41-M48iii) Encik Romy Rossziman bin Abd Rahman - Wakil Skim Pelaksana N29 – N40iv) Encik Khairul Faizah bin Zahari - Wakil Skim Pelaksana Gred 19 <p>Sehubungan itu, Pihak Pekerja ingin memohon pencerahan daripada Urus Setia MBJ status kekosongan tersebut sama ada akan diisi dengan membuat pemilihan semula atau diteruskan dengan wakil yang sedia ada sahaja.</p>
2.	Baju Korporat Putih SUK	<p>Sesi pengukuran baju bagi Baju Korporat Putih SUK Pahang telah dibuat pada bulan Februari 2020 yang lepas. Sehubungan itu, pihak pekerja memohon supaya pihak berikut turut dibekalkan Baju Korporat baru iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none">i) Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang

		<p>ii) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang iii) Pegawai dan Kakitangan kontrak Majlis Sukan Pahang – 22 orang</p> <p>*Pegawai dan kakitangan tersebut adalah ahli KESUKEP</p>
3.	Kantin Wisma Sri Pahang	<p>Memohon supaya pengusaha kantin dapat menyediakan makanan pagi lebih awal dan mempelbagaikan menu agar kakitangan SUK dapat membeli dan bersarapan lebih awal agar kekerapan bersarapan di luar SUK dan kelewatan memulakan tugas dapat dielakkan.</p>
4.	Penguatkuasaan <i>Clamping</i>	<p>Isu parkir di Pejabat SUK Pahang masih lagi tiada penyelesaian. Parkir yang tidak mencukupi menyebabkan kereta-kereta diletakkan di bahu-bahu jalan. Ini sedikit sebanyak mengganggu kelancaran laluan di dalam kawasan Wisma Sri Pahang.</p> <p>Sehubungan itu, pihak pekerja mencadangkan agar dikuatkuasakan <i>clamping</i> bagi kereta-kereta yang tidak diletakkan di petak parkir. Ini memandangkan papan tanda <i>clamping</i> ada dipasang dan peralatan <i>clamping</i> juga telah sedia ada.</p> <p>Dicadangkan kereta yang di <i>clamping</i> dikenakan kompaun mengikut kadar yang ditetapkan dan bayaran kompaun tersebut boleh dimasukkan ke dalam tabung KESUKEP atau terpulang kepada ketetapan pihak pengurusan.</p>

5.	Keselamatan Pejabat SUK (Blok B)	Memohon pertimbangan untuk menutup pintu kaca automatik (mengadap ke Blok A) di bangunan Blok B, Wisma Sri Pahang semasa waktu rehat hari Jumaat. Ini berikutan orang luar bila-bila masa sahaja boleh masuk tanpa disedari oleh Pengawal Keselamatan. Akses ke dalam bangunan Blok B pada waktu berkenaan hanya boleh dilakukan menggunakan kad kakitangan yang telah dibekalkan.
6.	Mesyuarat MBJ di luar Kuantan/Pahang	Mencadangkan agar diadakan Mesyuarat MBJ di luar Kuantan/Pahang. Di samping itu boleh diadakan Lawatan Penanda Aras ke agensi/jabatan untuk berkongsi pengalaman dalam pelaksanaan MBJ serta lain-lain perkara.
7.	Keperluan <i>Hand Sanitizer</i>	Mencadangkan agar pihak pentadbiran Pejabat SUK Pahang membekalkan <i>hand sanitizer</i> di kaunter lobi Blok A dan Blok B serta setiap bahagian/unit terutama yang mempunyai kaunter perkhidmatan. Keperluan ini adalah sebagai salah satu langkah pencegahan wabak penyakit COVID-19 dan lain-lain penyakit berjangkit.